

30 MAY 1997

Abdullah-Jamaica

MALAYSIA HARAP PERDANA MENTERI JAMAICA HADIR SIDANG G-15

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Malaysia berharap Perdana Menteri Jamaica, P.J. Patterson akan menghadiri Sidang Kemuncak Ke-7 Ketua-ketua Negara/Kerajaan Kumpulan 15 (G-15) yang akan diadakan di sini akhir tahun ini, kata Menteri Luar Datuk Abdulah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, kehadiran Jamaica amat bermakna untuk G-15 memandangkan peranan besar negara itu di rantau Caribbean dalam konteks kerjasama Selatan-Selatan.

"Kita berharap Perdana Menteri Jamaica, dapat hadir pada mesyuarat G-15 itu. Jamaica berhajat untuk hadir tetapi masalahnya negara itu mungkin menghadapi pilihan raya yang tarikhnya belum ditentukan lagi," katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Menteri Industri, Pelaburan dan Perdagangan Jamaica, Dr Paul Robertson di Wisma Putra di sini, hari ini.

Beliau berkata Robertson bagaimanapun akan membuat perakuan yang kuat kepada Perdana Menteri supaya hadir pada sidang kemuncak itu yang akan berlangsung antara 3 dan 5 Nov ini.

Sidang kemuncak itu merupakan yang kedua diadakan di sini. Kuala Lumpur menjadi tuan rumah sidang kemuncak yang pertama pada Jun 1990.

G-15 dianggotai oleh Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, Indonesia, India, Jamaica, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe.

"G-15 memang satu kumpulan yang berperanan sebagai pemangkin untuk menjayakan kerjasama Selatan-Selatan itu dan di Caribbean, Jamaica memainkan peranan itu," katanya

Abdullah berkata Kuala Lumpur dan Kingston bersependapat perlunya hubungan kedua-dua negara daripada segi perdagangan dan ekonomi yang perlu dipertingkatkan memandangkan potensi besar yang belum dieksploitasi.

Beliau berkata, Jamaica juga turut melahirkan hasrat untuk menganggotai Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2000.

"Saya memaklumkan kepadanya (Robertson) bahawa saya akan mengemukakan hajatnya itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir," katanya.

Sementara itu, mengenai penyerahan Hong Kong kepada China hujung bulan depan Abdullah berkata Malaysia mengambil keputusan untuk menukar taraf pejabatnya di sana daripada taraf Suruhanjaya kepada pejabat konsul.

Beliau berkata, penukaran taraf itu akan bermula pada 1 Julai, sebaik sahaja Hong Kong diletakkan dibawah China.

"Perkara ini telah dipersetujui oleh China dan saya telah menandatangani satu dokumen mengenainya dengan Menteri Luar China, Qian Qichen ketika mengadakan lawatan rasmi ke negara itu pertengahan bulan ini," katanya.

Hubungan ekonomi dan perdagangan antara Malaysia dan Hong Kong akan terus berjalan seperti biasa, kata Abdullah.

Mengenai pertemuan beliau dengan Robertson hari ini, Abdullah berkata mereka membincangkan dasar Malaysia terhadap China dan beliau menerangkan bahawa Malaysia hanya mengiktiraf Beijing manakala hubungan dengan Taiwan hanya daripada segi ekonomi.

Mengenai mesyuarat informal Menteri-menteri Luar ASEAN di sini esok, beliau berkata agendanya termasuk perbincangan mengenai kemasukan Kemboja, Myanmar dan Laos ke dalam ASEAN.

Apabila ditanya mengenai tentangan sesetengah kalangan termasuk dari dalam negeri terhadap kemasukan Myanmar, beliau berkata; "Golongan rakyat

yang tidak suka tidak mengapalah, ini kebebasan demokrasi, untuk
menyuarakan pandangan dan pendapat mereka," katanya. -- BERNAMA
NHD PR NMO